

# Trend Penerbitan Kajian Hak Kebebasan Beragama di Malaysia: Sebuah Kajian Bibliometrik

## *Publication Trend on Religious Freedom Rights in Malaysia: A Bibliometric Study*

Ain Balkis Mohd Azam<sup>1</sup>, Kamal Azmi Abd Rahman<sup>2</sup>, Khadijah Muda<sup>3</sup>, Abd Hakim Mohad<sup>4</sup>, Adibah Sulaiman<sup>5</sup> & Sarjit Singh Darshan Singh<sup>6</sup>

<sup>1,2,3,4,5</sup> Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;

<sup>6</sup> Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia;

### Article progress

Received: 8 December 2023

Accepted: 21 December 2023

Published: 31 May 2024

### \*Corresponding author:

Ain Balkis Mohd Azam,  
Program Sains Sosial, Pusat  
Pengajian Teras, Universiti  
Sains Islam Malaysia, 71800  
Nilai, Negeri Sembilan,  
Malaysia;  
Email: ainbalkis@gmail.com

**Abstrak:** Isu hak kebebasan beragama merupakan isu penting dan kontroversi di Malaysia. Oleh yang demikian, hak kebebasan beragama di Malaysia telah menarik perhatian ramai pengkaji sama ada dalam negara atau pun daripada luar negara. Perkara asas untuk memahami hak kebebasan beragama di Malaysia adalah keterikatannya dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia sebagai undang-undang tertinggi negara yang mana telah menyatakan tentang jaminan hak kebebasan beragama bagi setiap warganya. Kajian bibliometrik ini adalah bertujuan untuk menganalisis trend penulisan yang berkaitan dengan hak kebebasan beragama di Malaysia dalam pangkalan data Scopus. Bagi mendapatkan data, kajian menggunakan kata kunci (("religious freedom" OR "freedom of religion" OR "freedom of faith" OR "religious liberty" OR "right to worship" OR "freedom of religious practice" OR "freedom of religious expression" OR "religious toleration" OR "spiritual liberty") AND (Malaysia OR "Malaysia constitution" OR "federal constitution of Malaysia" OR "Malaysia law" OR "legal Malaysia")) di Scopus. Kajian telah mengenalpasti sebanyak 76 artikel. Semua artikel tersebut akan dibincangkan berdasarkan 7 kategori iaitu, (1) Jenis penerbitan, (2) Bidang kajian, (3) Tahun penerbitan, (4) Nama penulis, (5) Jurnal penerbitan, (6) Afiliasi penulis, dan (7) Negara. Walaupun penulisan tentang hak kebebasan beragama di Malaysia telah diterbitkan di jurnal-jurnal antarabangsa atau bukan jurnal tempatan di pangkalan data Scopus, hak kebebasan beragama di Malaysia masih menjadi antara bidang kajian yang signifikan dalam kalangan ahli akademik di Malaysia. Oleh yang demikian, pada masa akan datang, kajian tentang hak kebebasan beragama di Malaysia akan terus menjadi tema penting dalam penerbitan artikel sama ada di jurnal tempatan atau antarabangsa yang diindeks oleh Scopus.

**Kata kunci:** Hak kebebasan beragama, Perlembagaan Persekutuan, Malaysia, Analisis bibliometrik, Scopus

**Abstract:** The matter of religious freedom holds considerable significance and controversy in Malaysia, capturing the attention of researchers both domestically and internationally. The fundamental aspect to grasp concerning the right to freedom of religion in Malaysia is its association with the Federal Constitution, the highest law in the country, which explicitly guarantees this right for every citizen. This bibliometric study, conducted using the Scopus database, aims to analyse the prevailing trends in literature concerning the right to freedom of religion in Malaysia. To obtain data, the study uses keywords (("religious freedom" OR "freedom of religion" OR "freedom of faith" OR "religious liberty" OR "right to worship" OR "freedom of religious practice" OR "freedom of religious expression" OR "religious

tolerance" OR "spiritual liberty") AND (Malaysia OR "Malaysia constitution" OR "federal constitution of Malaysia" OR "Malaysia law" OR "legal Malaysia")) in Scopus search engine. The study has identified a total of 76 articles. All the articles will be discussed based on 7 categories which are, (1) Type of publication, (2) Field of study, (3) Year of publication, (4) Name of the author, (5) Journal of publication, (6) Affiliation of the author, and (7) Country. Despite publications on religious freedom in Malaysia appearing in both international and local journals within the Scopus database, the topic remains a substantial area of investigation among academics in Malaysia. Consequently, the study of religious freedom in Malaysia is anticipated to persist as a prominent theme in future articles, published in either local or international journals indexed by Scopus.

**Keywords:** Religious freedom right, Federal Constitution, Malaysia, Bibliometric analysis, Scopus

## Pengenalan

Hak kebebasan beragama di Malaysia telah termaktub di dalam Perkara 11 (1) Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, setiap rakyat Malaysia telah diberi jaminan untuk menganut, mengamalkan dan menyebarkan agama masing-masing tertakluk kepada Fasal (4) (Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, 2012). Hak kebebasan beragama yang terkandung dalam Perlembagaan juga terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang mengiktiraf Islam sebagai agama Persekutuan. Namun terdapat perbezaan pentafsiran hak kebebasan beragama di dalam Perlembagaan dengan Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat atau *Universal Declaration of Human Rights* (UDHR) (United Nations General Assembly, 1948) yang bersifat sekular (Helwa & Jasri, 2013; Faridah & Rohizan, 2014) dan mutlak. Hak kebebasan beragama di Malaysia dianggap mendiskriminasi warganya. Oleh itu, menurut laman sesawang *US Commission on International Religious Freedom* (USCIRF), hak kebebasan beragama di Malaysia menunjukkan trend yang negatif (USCIRF, 2023).

Antara isu yang sering menjadi perhatian di Malaysia dan seringkali menimbulkan kontroversi berkaitan hak kebebasan beragama adalah isu murtad (Siti Zubaidah & Muhamad Zahiri 2016). Selain itu, isu penggunaan kalimah Allah juga semakam hangat di mana kerajaan mengambil keputusan untuk menarik semula rayuan keputusan Mahkamah Tinggi yang memutuskan penganut agama Kristian boleh menggunakan kalimah 'Allah' dan tiga perkataan Arab lain dalam penerbitan bahan agama mereka bagi tujuan pendidikan (Noor Azlida, 2023). Contoh isu keluar agama Islam di Malaysia adalah seorang wanita Islam yang mendakwa tidak pernah mengamalkan ajaran Islam telah dibenarkan oleh ibunya

untuk memilih agama, namun akhirnya permohonan tersebut ditolak oleh mahkamah (Hidir Reduan, 2023). Bukan itu sahaja, isu lain yang sering menjadi tumpuan juga ialah isu hak penyebaran agama bukan Islam (Malaysiakini, 2019), kebebasan melakukan dosa dan menghina Islam (Malaysiakini, 2021), dialog dan toleransi agama (Bernama, 2022) dan sebagainya. Hal ini menunjukkan, setiap tahun isu hak kebebasan beragama menjadi perdebatan hangat di Malaysia.

Terdapat juga kajian-kajian berkaitan hak kebebasan beragama di Malaysia yang telah dijalankan. Faisal Ahmad Shah (2015) di dalam kajiannya yang bertajuk *Kebebasan Beragama: Analisis Tahap Kefahaman Masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur* telah mendapati bahawa tahap kefahaman masyarakat Wilayah Persekutuan tentang kebebasan beragama adalah rendah dan boleh menimbulkan kekeliruan. Manakala dalam artikel (Nazneen Ismail et al., 2017) bertajuk *Kefahaman Belia Muslim Terhadap Konsep Kebebasan Beragama dengan Isu Keluar Agama Dalam Islam: Kajian di Institut Pengajian Tinggi Selangor* mendapati terdapat perkaitan yang signifikan positif antara kefahaman responden terhadap konsep kebebasan beragama dengan isu keluar agama dalam Islam. Kajian mendapati kefahaman belia Muslim tentang konsep kebebasan beragama adalah tinggi dengan skor min bernilai 4.33. Kefahaman mereka tentang isu keluar agama juga tinggi dengan skor min bernilai 3.86. Seterusnya, hasil analisis Spearman menunjukkan terdapat perkaitan yang positif dan signifikan ( $p < .05$ ) antara kefahaman responden terhadap konsep kebebasan beragama menurut Islam. Kamal Azmi dan Norsaleha (2018) melalui kajian bertajuk *Kefahaman Mahasiswa Muslim Lembah Klang Tentang Konsep Hak Kebebasan Beragama di Malaysia* mendapati tahap kefahaman mahasiswa Islam di Lembah Klang tentang hak

kebebasan beragama adalah tinggi dengan nilai min sebanyak 3.94. Juga kajian oleh Nur Afifah dan Ahmad Munawar (2018) dalam *Persepsi Mengenai Hak Kebebasan Beragama dalam Kalangan Penuntut Universiti Awam di Malaysia* juga menunjukkan persepsi mahasiswa dalam kalangan penuntut awam di Malaysia terhadap hak kebebasan beragama berada di tahap yang tinggi dengan skor min 3.67. Selain itu, kajian berkaitan keharmonian agama di Malaysia oleh Tony Lim Abdullah et al., (2016) yang bertajuk *Socio-Religious Harmony Index Instrument Indicators for Malaysia* membincangkan status keharmonian sosio-agama di Malaysia dalam kalangan penganut pelbagai agama. Pembinaan indeks dalam kajian tersebut adalah untuk mengukur tahap keharmonian sosio-keagamaan di Malaysia.

Justeru itu, artikel ini menggunakan kaedah analisis bibliometrik untuk mengenalpasti trend penerbitan isu hak kebebasan beragama yang diterbitkan di pangkalan data Scopus.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah analisis bibliometrik iaitu metodologi semakan saintifik berbantuan komputer yang boleh mengenal pasti asas penyelidikan atau penulis-penulis, serta hubungannya, dengan merangkumi semua penerbitan berkaitan dengan topik atau bidang tertentu (Han et al., 2020). Kajian bibliometrik yang dilakukan dengan baik dapat membina asas yang kukuh untuk menambahbaik sesuatu bidang dan membolehkan para penyelidik mendapatkan gambaran keseluruhan, mengenal pasti jurang kajian, memperoleh idea baru untuk menjalankan penyelidikan dan memberikan sumbangan dalam bidang masing-masing (Donthu et al., 2021). Data diperolehi daripada pangkalan data Scopus kerana ia merupakan antara pangkalan data abstrak dan petikan terbesar dengan liputan global dan serantau yang luas bagi jurnal saintifik, prosiding, dan buku. Data dari Scopus juga menggunakan data berkualiti tinggi yang diindeks melalui penilaian yang ketat. Oleh itu, kebolehpercayaan Scopus telah membuatnya menjadi sumber data bibliometrik untuk menganalisis sesebuah kajian (Baas et al., 2020). Selain itu juga, pangkalan data Scopus memudahkan proses menganalisis data kerana kata kunci yang digunakan menghasilkan data yang telah dikelaskan kepada kategori tertentu beserta jumlah dan peratus. Data yang dihasilkan dapat dijana dalam pelbagai bentuk seperti carta dan graf.


Kedah carian artikel di pangkalan data Scopus ialah dengan menggunakan kata kunci dan *Boolean operators* "and" dan "or" untuk menyambungkan kata kunci tersebut (Khurshid et al., 2021). Hasil carian yang diperolehi tidak menggunakan sebarang tapisan dan telah

berjaya mengeluarkan sebanyak 74 dokumen penerbitan. Kata kunci yang diggunakan ialah *TITLE-ABS-KEY ("religious freedom" OR "freedom of religion" OR "freedom of faith" OR "religious liberty" OR "right to worship" OR "freedom of religious practice" OR "freedom of religious expression" OR "religious toleration" OR "spiritual liberty") AND (Malaysia OR "Malaysia constitution" OR "federal constitution of Malaysia" OR "Malaysia law" OR "legal Malaysia")*). Data yang telah diperolehi akan dianalisis berdasarkan 7 perkara utama iaitu (1) Jenis penerbitan, (2) Bidang kajian, (3) Tahun penerbitan, (4) Nama penulis, (5) Jurnal penerbitan, (6) Afiliasi penulis, dan (7) Negara.


## Dapatan Kajian

Rajah 1 menunjukkan kata kunci yang dimasukkan ke pangkalan data Scopus. Hasil carian mendapati sebanyak 76 penerbitan yang telah diterbitkan sejak tahun 1991 hingga 2023.

Rajah 1. Jumlah penerbitan menggunakan kata kunci




Rajah 2. Peratus penerbitan mengikut jenis penerbitan




Rajah 2 menunjukkan peratus jenis penerbitan data yang diperolehi daripada pangkalan data Scopus. Kajian mendapati penerbitan tertinggi berkaitan hak kebebasan beragama di Malaysia adalah dalam bentuk artikel jurnal iaitu sebanyak 67.1% berbanding penerbitan lain seperti bab dalam buku (19.7%), buku (7.9%) dan sorotan (5.3%).

**Rajah 3.** Peratus penerbitan mengikut bidang kajian




Rajah 3 pula menunjukkan peratus penerbitan berdasarkan kepada bidang kajian. Kajian mendapati bidang yang paling banyak menjalankan kajian berkaitan isu hak kebebasan beragama di Malaysia ialah bidang Sains Sosial iaitu sebanyak 55.2 % diikuti bidang Seni dan Kemanusiaan (32.8%). Bidang lain yang mempunyai peratus terendah termasuklah bidang Psikologi, Perubatan, Perniagaan, Pengurusan dan Kewangan, masing masing sebanyak 1.7%.

**Graf 1.** Bilangan penerbitan mengikut tahun




Graf 1 menunjukkan perubahan bilangan penerbitan berkaitan hak kebebasan beragama di Malaysia mengikut tahun dari 1991 hingga 2023. Ini menunjukkan kajian yang dijalankan berkenaan hak kebebasan beragama di Malaysia semakin meningkat walaupun bermula dengan perlahan. Fasa permulaan dapat dilihat antara 1991 hingga 2005 yang menunjukkan jumlah penerbitan yang paling sedikit. Peningkatan penerbitan bermula pada tahun 2006. Manakala terdapat peningkatan dan pengurangan yang signifikan bermula pada tahun 2012 hingga 2019. Jumlah penerbitan tertinggi yang dihasilkan adalah pada tahun 2016 iaitu sebanyak 10 penerbitan. Kemudian diikuti dengan 9 penerbitan pada tahun 2019. Manakala sebanyak 8 penerbitan pada tahun 2013.

**Graf 2.** Bilangan penerbitan mengikut nama penulis



Jumlah penulis yang menghasilkan kajian berkaitan hak kebebasan beragama adalah sebanyak 103 orang penulis. Graf 2 menunjukkan seramai 5 penulis yang mempunyai bilangan penerbitan tertinggi iaitu sebanyak 4 dan 3 penerbitan. Penulis yang paling banyak menghasilkan kajian berkaitan hak kebebasan beragama ialah Olivier, B. dan Samuri, M.A.A. iaitu masing masing telah menerbitkan sebanyak 4 kajian. Terdapat 3 orang penulis yang telah menerbitkan 3 penulisan iaitu Liow, J.C., Musa, M.F., dan Rahman, N.F.A. Manakalah seramai 18 penulis telah menghasilkan sebanyak 2 kajian. Manakala 80 penulis selebihnya masing-masing menerbitkan sebanyak 1 kajian.


**Graf 3.** Bilangan penerbitan mengikut jurnal



Bilangan jurnal yang telah menerbitkan artikel tentang hak kebebasan beragama di Malaysia adalah sebanyak 43 buah jurnal. Graf 3 menunjukkan 10 buah jurnal yang telah menerbitkan kajian berkaitan hak kebebasan beragama sejak tahun 2006 hingga 2023. Jurnal yang paling banyak menerbitkan kajian berkaitan hak kebebasan beragama ialah *Critical Studies of The Asia Pacific* iaitu sebanyak 4 penerbitan. Seterusnya diikuti dengan *Muslim World Journal of Human Rights* dan *Review of Faith and International Affairs* yang masing-masing menerbitkan sebanyak 3 kajian. 7 jurnal termasuk *American Behavioral Scientist*, *International Journal of Constitutional Law*, *Islam and Christian Muslim Relations*, *Kajian Malaysia*, *Middle East Journal of Scientific Research*, *Pertanika Journal of Social Sciences And Humanities* dan *Religion And Human Rights*.


*Scientific Research, Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* dan *Religion and Human Rights* masing-masing menerbitkan sebanyak 2 kajian. Terdapat dua jurnal lain yang juga menerbitkan sebanyak 2 kajian. Manakala 31 baki jurnal masing-masing menerbitkan sebanyak 1 kajian.

**Graf 4.** Penerbitan mengikut afiliasi penulis



Jumlah afiliasi penulis yang diperolehi daripada analisis ini adalah sebanyak 65. Graf 4 menunjukkan sebanyak 10 afiliasi bagi penulis. Bilangan penulis yang paling banyak menghasilkan kajian ialah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu sebanyak 14 kajian, diikuti Universiti Malaya (UM) iaitu sebanyak 11 kajian. Penulis dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), National University of Singapore dan The University of Western Australia masing-masing menghasilkan sebanyak 4 kajian. Manakala jumlah terendah iaitu sebanyak 2 kajian telah dihasilkan oleh penulis dari ARBA Foundation, Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Nanyang Technological University. Sebanyak 11 afiliasi yang tidak dipaparkan masing-masing telah menerbitkan sebanyak 2 kajian dan 44 afiliasi lain telah menerbitkan sebanyak 1 kajian.

**Graf 5.** Jumlah penerbitan mengikut negara



Jumlah negara yang telah menerbitkan kajian berkaitan hak kebebasan beragama adalah sebanyak 15 buah negara. Graf 5 menunjukkan 10 negara yang telah menghasilkan penerbitan berkaitan hak kebebasan

beragama. Malaysia telah menghasilkan kajian tertinggi berkaitan hak kebebasan beragama di Malaysia dengan jumlah 34 kajian, diikuti Australia sebanyak 11 kajian, Singapura dan United Kingdom masing-masing menghasilkan 9 kajian, United States 6 kajian dan Indonesia sebanyak 5 kajian. Manakala penerbitan terendah iaitu Belgium sebanyak 1 kajian. Manakala, 5 negara lain yang tidak dipaparkan di graf masing-masing menghasilkan 1 kajian.

## Perbincangan

Hasil dari analisis bibliometrik ini menunjukkan bahawa penerbitan tentang hak kebebasan beragama di Malaysia sudah bermula sejak awal tahun 90-an lagi dan tema hak kebebasan beragama masih menjadi topik kajian penting sehingga ke hari ini. Walaupun begitu, kajian hak kebebasan beragama dilihat terhenti selepas tahun 1991 sehingga tahun 2001, kajian hak kebebasan beragama terus mendapat perhatian selepas era millenium sehingga kini. Peningkatan paling signifikan ialah pada tahun 2016 dengan 10 penerbitan. Kebanyakan kajian pada tahun ini adalah tentang Undang-Undang Syari'ah berkaitan kebebasan beragama, pengendalian Mahkamah Syari'ah terhadap isu keluar Islam atau murtad, cabaran negeri-negeri dalam mengimbangi hak kebebasan beragama bagi umat Islam dan bukan Islam, pelaksanaan kebebasan beragama berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dan sebagainya. Tambahan pula, kes-kes seperti pembentukan RUU 355 berkaitan hudud (Malaysiakini, 2016), bidang kuasa Mahkamah Syari'ah dalam menguruskan permohonan keluar Islam (Malaysiakini, 2016) dan sebagainya sedang hangat diperdebatkan. Ini menjadi salah satu sebab penerbitan yang tertinggi dihasilkan pada tahun 2016. Kajian hak kebebasan beragama ini dijangka akan terus dijalankan kerana kesedaran tentang hak kebebasan beragama dan hak asasi manusia dalam kalangan penyelidik di Malaysia dan isu-isu tentang hak kebebasan beragama juga sentiasa mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat. Hal ini boleh dilihat melalui portal berita yang sering melaporkan isu berkaitan hak kebebasan beragama. Antaranya portal Malaysiakini.com yang telah menerbitkan sebanyak 68 laporan berkaitan hak kebebasan beragama sejak 2019 sehingga Mei 2023 (Kamal Azmi et al., 2023).

Kebanyakan dokumen yang diperolehi hasil carian di pangkalan data Scopus adalah dalam bentuk artikel jurnal kerana kebanyakan penerbitan yang diindeks di pangkalan data Scopus adalah jurnal. Walaupun begitu, jenis penerbitan berkaitan hak kebebasan beragama boleh dipelbagaikan lagi agar tidak tertumpu kepada artikel sahaja. Oleh itu, bentuk-bentuk penulisan lain seperti bab dalam buku, buku dan sorotan boleh dijadikan bentuk penulisan akademik para penyelidik. Selain itu, kajian

mendapati penerbitan di Scopus tentang hak kebebasan beragama didominasi oleh bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan. Hal ini kerana hak kebebasan beragama merupakan perbincangan utama dalam kedua-dua bidang tersebut. Namun demikian, perbincangan hak kebebasan beragama dalam bidang Kemanusiaan boleh dipertingkatkan lagi melalui perbincangan hak kebebasan beragama menurut perspektif Islam. Hal ini kerana Islam merupakan agama Persekutuan seperti yang termaktub di dalam Perkara (3) Perlembagaan Persekutuan. Walaupun penulisan hak kebebasan beragama di Malaysia didominasi oleh penulis Malaysia namun terdapat 2 pengkaji bukan warga negara Malaysia iaitu Olivier, B daripada The University of Western Australia dan Liow J. C. daripada Nanyang University yang mempunyai 4 penerbitan berkaitan hak kebebasan beragama di Scopus. Oleh itu, pengkaji-pengkaji dari Malaysia perlu giat melakukan penulisan dan penerbitan artikel di jurnal Scopus. Hal ini dilihat dapat membantu menaikkan mutu kajian dan memberi gambaran yang lebih jelas tentang hak kebebasan beragama di Malaysia. Perkara ini juga dapat membantu memberi kefahaman tentang situasi dan pengamalan hak kebebasan beragama di Malaysia kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa.

Jurnal yang paling banyak menghasilkan kajian berkaitan hak kebebasan beragama merupakan jurnal antarabangsa. Namun, terdapat dua jurnal dari Malaysia yang turut menerbitkan kajian berkaitan hak kebebasan beragama iaitu *Kajian Malaysia* dan *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* yang masing-masing telah menerbitkan 2 artikel. Hal ini mungkin disebabkan bilangan jurnal tempatan yang diindeks oleh Scopus adalah kurang berbanding dengan jurnal-jurnal antarabangsa. Dalam pada itu, majoriti afiliasi penulis adalah daripada universiti-universiti Malaysia iaitu UKM, UM dan UIAM dan ia menjadikan penulisan hak kebebasan beragama di Malaysia didominasi oleh artikel daripada Malaysia dan diikuti oleh Australia. Hal ini menunjukkan bahawa penulis yang mempunyai afiliasi yang berlatarbelakangkan Malaysia atau tempatan telah menjalankan kajian yang wajar tentang hak kebebasan beragama di Malaysia. Dalam erti kata yang lain, penulis dari Malaysia mempunyai kepakaran berkaitan isu hak kebebasan beragama yang berlaku di Malaysia.

## Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan analisis bibliometrik ini, penerbitan berkaitan hak kebebasan beragama di pangkalan data Scopus adalah berjumlah 76 dari tahun 1991 hingga 2023. Hasil analisis bibliometrik mendapati bahawa terdapat peningkatan dan penurunan bilangan penerbitan hak kebebasan beragama sejak tahun 90-an sehingga kini. Bidang sains sosial menjadi bidang

yang paling dominan bagi kajian hak kebebasan beragama. Manakala pada aspek penulis, jurnal dan latar belakang kebanyakan penerbitan adalah daripada penulis atau jurnal tempatan walaupun terdapat juga penerbitan daripada penulis dan jurnal antarabangsa. Oleh itu, kajian berkaitan hak kebebasan beragama di Malaysia perlu lebih giat diterbitkan di mana-mana penerbitan yang diindeks di pangkalan data Scopus supaya trend analisis bibliometrik pada masa akan datang akan memperlihatkan kepakaran dan penerbitan watan tentang hak kebebasan beragama Malaysia.

## Penghargaan

Kajian ini dibiaya oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di bawah Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) dengan kod FRGS/1/2022/SS10/USIM/03/3

## Rujukan

- Baas, J., Schotten, M., Plume, A., Côté, G., & Karimi, R. (2020). Scopus as a curated, high-quality bibliometric data source for academic research in quantitative science studies. *Quantitative Science Studies*, 1(1), 377–386. [https://doi.org/10.1162/qss\\_a\\_00019](https://doi.org/10.1162/qss_a_00019)
- Bernama. (2022, December 25). Pemimpin Kerajaan Gesa Perpaduan, Tolak Ekstremisme Dalam Ucapan Krismas. *Malaysiakini.Com*. <https://www.malaysiakini.com/news/649314>
- Donthu, N., Kumar, S., Mukherjee, D., Pandey, N., & Lim, W. M. (2021). How To Conduct a Bibliometric Analysis: An Overview and Guidelines. *Journal of Business Research*, 133, 285–296. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2021.04.070>
- Faisal Ahmad Shah. (2015). Kebebasan Beragama: Analisis Tahap Kefahaman Masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Jurnal Pengajian Islam Akademi Islam KUIS*, 8(1), 76–98.
- Faridah Jalil, & Rohizan Abdul Halim. (2014). Kebebasan Beragama; Gambaran Malaysia. *KANUN*, 26(2), 220-235.
- Han, J., Kang, H. J., Kim, M., & Kwon, G. H. (2020). Mapping the Intellectual Structure of Research on Surgery with Mixed Reality: Bibliometric Network Analysis (2000–2019). *Journal of Biomedical Informatics*, 109, 1-9. <https://doi.org/10.1016/j.jbi.2020.103516>
- Helwa Mohammad Zainal, & Jasri Jamal. (2013). Kedudukan Murtad dan Penyebaran Agama Bukan Islam Menurut Perspektif Undang-Undang di Malaysia: Satu

Analisa Isu dan Cabaran. *Jurnal Undang-Undang & Masyarakat*, 17, 13–36.

Hidir Reduan, A. R. (2023, July 24). Jika permohonan keluar Islam ditolak, anak guam terpaksa keluar Malaysia. *Malaysiakini*.

<https://www.malaysiakini.com/news/673046>

Kamal Azmi Abd Rahman, Ain Balkis Mohd Azam, Sarjit Darshan Singh, Abd Hakim Mohad, Khadijah Muda, & Adibah Sulaiman. (2023). Analisis Tematik Penulisan Tentang Hak Kebebasan Beragama di Portal Berita Malaysiakini. *Journal of Contemporary Islamic Communication and Media*, 3(2), 1–19. <https://doi.org/10.33102/jcicom.vol3no2.91>

Kamal Azmi Abd Rahman, Norsaleha Mohd Salleh, & Nazneen Ismail. (2018). Kefahaman Mahasiswa Muslim Lembah Klang Tentang Konsep Hak Kebebasan Beragama di Malaysia. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 3(1), 1–23. <https://www.researchgate.net/publication/328839533>

Khurshid, Z., Tariq, R., Asiri, F. Y., Abid, K., & Zafar, M. S. (2021). Literature search strategies in dental education and research. *Journal of Taibah University Medical Sciences*, 16(6), 799–806. <https://doi.org/10.1016/j.jtumed.2021.05.012>

Malaysia. (2023). USCIRF. <https://www.uscifr.gov/countries/malaysia>

Perlembagaan Persekutuan, International Law Book Services (2012).

Malaysiakini. (2016a, Januari 5). Kesahihan tukar agama Islam kuasa eksklusif Mahkamah Syariah. *Malaysiakini*.

<https://www.malaysiakini.com/news/325609>

Malaysiakini. (2016b, September 2). Kepentingan memahami pindaan Akta 355. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/354422>

Malaysiakini. (2019). Tak Setuju dengan Syiah Bukan Alasan Tangkap Pengikutnya -LFL. *Malaysiakini.Com*. <https://www.malaysiakini.com/news/491796>

Malaysiakini. (2021, November 14). Sekat Judi, Arak Nafi Hak Orang Bukan Islam- Ramasamy. *Malaysiakini.Com*. <https://www.malaysiakini.com/news/599180>

Nazneen binti Ismail, Kamal Azmi Abdul Rahman, & Norsaleha Mohd Salleh. (2017). Kefahaman Belia Muslim Terhadap Konsep Kebebasan Beragama dengan Isu Keluar Agama dalam Islam: Kajian di Institut Pengajian Tinggi Selangor. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(2), 54–67.

Noor Azlida, A. (2023, Mei 15). Kerajaan, KDN tarik balik rayuan kalimah ALLAH. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/258605/berita/semasa/kerajaan-kdn-tarik-balik-rayuan-kalimah-allah>

Nur Afifah Mohd Najib, & Ahmad Munawar Ismail. (2018). Persepsi Mengenai Hak Kebebasan Beragama dalam kalangan Penuntut Universiti Awam di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 1(3), 68–83. <http://www.bitarajournal.com>

Siti Zubaidah Ismail, & Muhamad Zahiri Awang Mat. (2016). Faith and freedom: The Qur'anic Notion of Freedom of Religion vs. The Act of Changing Religion and Thoughts on the Implications for Malaysia. *Religions*, 7(7), 1-18. <https://doi.org/10.3390/rel7070088>

The Universal Declaration of Human Rights, United Nations General Assembly (1948). <https://www.un.org/en/about-us/universal-declaration-of-human-rights>

Tony Lim Abdullah, M. R., al-Amin, M. N., Yusoff, A., Baharuddin, A., Abdul Khir, F., & Talib, A. T. (2016). Socio-Religious Harmony Index Instrument Indicators for Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, 11(2), 29–44. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol11no2.3>